



09 JUL, 2025

## Khazanah intai kerjasama dengan dana kekayaan berdaulat Perancis dan Itali



Berita Harian, Malaysia

# Khazanah intai kerjasama dengan dana kekayaan berdaulat Perancis dan Itali

**Khazanah** Nasional Bhd mengadakan beberapa siri pertemuan yang produktif dengan dana kekayaan berdaulat Perancis dan Itali untuk meneroka kerjasama rentas sempadan khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (AI).

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir, berkata perbincangan itu tertumpu kepada bagaimana syarikat Malaysia, Perancis dan Itali boleh bekerjasama di tengah-tengah perubahan dinamik geopolitik global.

"Kita sedang melihat bagaimana

boleh bekerjasama (dengan mereka) apabila ia berkaitan dengan inovasi teknologi, malah mereka ada beberapa syarikat pertengahan dan kita juga ada syarikat yang sama dan melihat bagaimana kita boleh bekerjasama lebih jauh.

"Kita menyedari bahawa kita menghadapi isu yang sama: bagaimana untuk menjadi lebih berdaya saing di peringkat global dengan menggunakan kecerdasan buatan dan inovasi, dan bagaimana untuk meneroka pasaran baru," katanya kepada media di Brazil di akhir lawatan

rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Itali, Perancis dan Brazil.

Khazanah adalah sebahagian daripada delegasi Malaysia dalam lawatan rasmi itu yang bermula pada 1 Julai dan bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala dan merangsang kerjasama perdagangan dan ekonomi.

Syarikat utama Malaysia yang menyertai delegasi itu termasuk PETRONAS, Tenaga Nasional Bhd (TNB), Malayan Banking Bhd (Maybank), FGV Holdings Bhd dan YTL Power International Bhd.

Amirul Feisal berkata, Khaza-

nah sudah menjalin kerjasama dengan Cassa Depositi e Prestiti, institusi promosi Itali sejak dua tahun lalu dan dengan Bpifrance, yang dikenali sebagai Banque Publique d'Investissement sejak tiga tahun lalu.

**Perkuuh hubungan**  
Lawatan ke Rom, Paris dan Rio de Janeiro itu juga adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkuuh hubungan diplomatik dan perdagangan dengan rakan-rakan ekonomi utama.

Secara keseluruhan, perdagangan dua hala dengan Itali, Pe-

rancis dan Brazil berjumlah RM50.91 bilion (AS\$11.14 bilion) pada tahun lalu.

Khazanah mencatatkan pulangan tahunan tertinggi dalam sejarah pada 2024, dengan kadar pulangan berwajaran masa (TWRR) nilai aset bersih (NAV) sebanyak 24.6 peratus, peningkatan ketara berbanding 5.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Jumlah portfolionya, atau nilai aset boleh direalisasi (RAV) meningkat kepada RM151.3 bilion, manakala keuntungan operasi mencapai RM5.1 bilion.

BERNAMA